



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 11 September 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Kilang proses seri kaya guna logo halal tidak sah diserbu

**Ipoh:** Sebuah kilang memproses seri kaya dekat Taman Glenview, Kamunting di sini, diserbu pihak berkuasa selepas disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata serbuan dijalankan jam 10.45 pagi oleh penguat kuasa KPDN Negeri Perak, Cawangan Taiping.

"Pemeriksaan mendapati kilang ini beroperasi mengeluarkan produk makanan iaitu seri kaya (jem) dan pemeriksaan lanjut terhadap produk akhir mendapati ada logo halal pada bungkusannya. Produk makanan ini juga dipercayai untuk edaran jualan sekitar Perak dan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan, pemilik perniagaan gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah. Susulan itu, satu tindakan diambil mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa JAKIM," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, 65 unit produk seri kaya yang siap dan 2,000 unit bekas plastik tertera logo halal tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita serta nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan RM452.25.

"Kilang itu beroperasi sejak 1994 dan mempunyai sijil halal, tetapi sudah tamat tempoh. Kes ini disiasat mengikut Perintah 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperaku mana-mana makanan itu adalah halal," katanya.

Kamalludin berkata, jika disabitkan kesalahan bagi pertubuhan perbadanan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM1 juta.

"Jika pesalah bukan pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"KPDN memandang serius perniaga menggunakan perakuan dan penandaan halal terhadap produk makanan atau barang keluaran yang melanggar undang-undang mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya. —BERNAMA

## Bengkel cat kereta jadi stor seleweng petrol

**ALOR SETAR** – Kegiatan haram seorang lelaki menjadikan sebuah bengkel mengecat kendaraan sebagai stor pengumpulan petrol di Jalan Baru Sintok dalam daerah Kubang Pasu, dekat sini terbongkar apabila diserbu kelmarin.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan kira-kira pukul 10 pagi itu dilakukan penguat kuasa KPDN hasil risikan selama tiga minggu ke atas bengkel tersebut.

Katanya, serbuan menemui seorang lelaki warga tempatan berusia lingkungan 40-an yang merupakan pemilik premis berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut menjumpai sejumlah petrol yang disimpan di dalam stor dan juga di dalam kendaraan tanpa sebarang lesen atau permit yang sah," katanya dalam kenyataan

di sini semalam.


Kata beliau, pasukan serbuan seterusnya bertindak menyita 1,200 liter petrol dianggarkan bernilai RM2,460 dan sebuah kereta jenis Proton Saga.

"Kita turut menyita enam unit tong drum dan peralatan yang digunakan untuk memindahkan barang kawalan itu. Jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM7,860," ujarnya.

Menurutnya, modus operasi suspek adalah dipercayai membeli petrol dari beberapa stesen minyak dan mengangkutnya menggunakan kereta Proton Saga sebelum dibawa ke stor.

"Seterusnya kenderaan dari negara jiran dipercayai akan datang ke bengkel itu untuk mendapatkan petrol berkenaan," jelasnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).



BENGKEL cat kendaraan yang dijadikan stor pengumpulan petrol diserbu KPDN di Jalan Baru Sintok, Kubang Pasu kelmarin.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa produk sekaya dalam serbuan di sebuah kilang di Kamunting, Taiping kelmarin.

Produk makanan diedar di sekitar Perak, P. Pinang

## Kilang sekaya guna logo halal tidak sah

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**TAIPING** — Sebuah kilang memproses sekaya dikesan menggunakan logo halal yang tidak sah dalam serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) di Kamunting di sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kilang tersebut diserbu penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping kira-kira pukul 10.45 pagi.

Katanya, melalui pemeriksaan yang dijalankan mendapati kilang tersebut beroperasi mengeluarkan produk makanan iaitu jem sekaya.

"Pemeriksaan lanjut ke atas produk akhir mendapat terdapat logo halal pada bungkus sekaya tersebut. Produk ma-

kanan ini juga dipercayai adalah untuk edaran jualan di sekitar Perak dan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapat, pemilik perniagaan telah gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, satu tindakan kes telah diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

"Sebanyak 65 unit produk jem sekaya yang siaf dan 2,000 unit bekas plastik yang tertera logo halal tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita.

"Nilai keseluruhan rambutan dianggarkan berjumlah

RM452.25. Kes disiasat di bawah Perintah 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalan memperaku mana-mana makanan itu adalah halal.

"Jika sabit kesalahan bagi pertubuhan perbadanan boleh didenda maksimum RM500,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda maksimum RM1 juta," katanya.

Ujarnya, jika pesalah bukan pertubuhan atau perbadanan, boleh didenda maksimum RM250,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," tambah beliau.



SEBUAH kereta yang disita di sebuah bengkel mengecat kendaraan di Jalan Sintok, Kubang Pasu kerana disyaki digunakan untuk menyeleweng minyak petrol.

**Alor Setar:** Jadikan bengkel mengecat kendaraan di Jalan Sintok, Kubang Pasu di sini, sebagai stor pengumpulan petrol subsidi secara haram.

Kegiatan itu bagaimanapun terbongkar apabila premis berkenaan diserbu pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah hasil maklumat risikan dilakukan sejak tiga minggu lalu.

Dalam serbuan jam 10 pagi semalam, seorang lelaki warga tempatan berusia lingkungan 40-an yang berada di premis itu diserbu.

Pengarah KPDN Kedah,

## Bengkel cat jadi stor kumpul petrol subsidi

Muhammad Nizam Jamalludin berkata, pemeriksaan lanjut menemui sejumlah petrol disimpan di dalam stor tanpa lesen atau permit sah.

Susulan itu pasukan serbuan menyita sejumlah 1,200 liter minyak petrol dianggarkan bernilai RM2,460, sebuah kereta Proton Saga, enam unit tong dram dan peralatan digunakan bagi memindah barang kawalan itu.

Katanya, modus operandi digunakan sindiket ada-

lah membeli petrol dari stesen minyak menggunakan kereta Proton Saga berkenaan.

"Petrol itu diisi di dalam tong dan dipindahkan ke stor berkenaan. Jumlah keseluruhan sitaan dianggarkan bernilai RM7,860.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] membawa hukuman denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

# Serbu kilang seri kaya pakai logo halal palsu

**Ipoh:** Kilang memproses seri kaya di Kamunting di sini, diserbu selepas disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan jam 10.45 pagi semalam oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Negeri Perak, Cawangan Taiping.

"Melalui pemeriksaan dijalankan, kami mendapati kilang ini beroperasi mengeluarkan produk makanan iaitu seri kaya (jem).

"Pemeriksaan lanjut terhadap produk akhir mendapati wujud logo halal pada bungkusan seri kaya berkenaan.

"Produk makanan ini juga dipercayai untuk edaran jualan di sekitar negeri Perak dan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati, pemilik perniagaan gagal me-

ngemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah.

"Sehubungan dengan itu, satu tindakan kes diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa JAKIM," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata sebanyak 65 unit produk seri kaya yang siap dan 2,000 unit bekas plastik tertera logo halal tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan disita serta nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan berjumlah RM452.25.

"Kilang itu beroperasi sejak 1994 dan mempunyai sijil halal, tetapi sudah tamat tempoh. Kes disiasat di bawah Perintah 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperaku mana-mana makanan itu adalah halal," katanya.

## Kilang seri kaya dikesan guna logo halal tidak sah



Pegawai penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping memeriksa produk seri kaya di sebuah kilang di Taman Glenview, Kamunting pada Isnin.

**TAIPEI** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak mengambil tindakan terhadap sebuah kilang menghasilkan seri kaya yang menggunakan logo halal tidak sah.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, tindakan terbabit dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping jam 10.45 pagi di kilang memproses makanan di Taman Glenview, Kamunting dekat sini pada Isnin.

Katanya, pemeriksaan lanjut ke atas produk akhir mendapat terdapat logo halal pada bungkusan seri kaya terbabit sementara pemilik perniagaan pula gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah.

"Sehubungan itu, satu tindakan

kes telah diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki telah menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

"Dalam operasi itu juga sebanyak 65 unit produk seri kaya yang siap dan 2,000 unit bekas plastik yang tertera logo halal yang tidak sah digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita dengan nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan berjumlah RM452.25," katanya dalam kenyataan.

Menurut Kamalludin, produk yang dihasilkan kilang tersebut dipercayai untuk edaran jualan di sekitar negeri Perak dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, kes disiasat di ba-

wah Perintah 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Jelasnya, hukuman denda tidak melebihi RM500,000 boleh dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan dan denda sehingga RM1 juta melibatkan kesalahan berulang jika sabit kesalahan.

Begitu juga individu yang boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama jika sabit kesalahan manakala hukuman denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika kesalahan berulang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# MyCC cadang 3 firma tipu bida dikenakan penalti kewangan

Dapatkan awal dapati pengurusan syarikat terbabit aktiviti kartel dengan 6 tender bernilai RM45 juta

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiga syarikat dicadang dikenakan penalti kewangan, selepas dapatan awal mendapati pengurusannya terbabit dengan aktiviti kartel tipuan bida, membabitkan enam tender kerja penyenggaraan dikeluaran Perbadanan Putrajaya (PPJ) bernilai RM45 juta.

Keputusan cadangan penalti itu dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) selepas siasatan awal mendapati tiga syarikat itu terbabit melanggar Seksyen 4, Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Pengerusi MyCC, Datuk Seri

Mohd Hishamudin Yunus, berkata tiga syarikat itu ialah Abadi Malaysia Sdn Bhd, Kota Lanskap Sdn Bhd dan Usia Maintenance Sdn Bhd.

“Jumlah keseluruhan tender ini dianggarkan bernilai kira-kira RM45 juta yang membabitkan dua tender pada 2018, tiga tender pada 2019 dan satu tender pada 2021.

“Penyiasatan MyCC, pada peringkat keputusan cadangan ini, mendapati semua kontraktor terbabit melakukan aktiviti kartel tipuan bida.

“Tipuan bida itu dikesan dibuat melalui perjanjian dan amalan bersepada untuk menetapkan harga bidaan mereka, berkongsi maklumat bidaan serta menyerlaraskan penyediaan dan penyerahan bidaan mereka,” katanya semalam.

Pada masa sama, Mohd Hishamudin berkata, keputusan cadangan yang dikeluarkan MyCC adalah dapatan awal, sekaligus tidak boleh diandaikan bahawa

perusahaan itu melanggar Akta 712 pada peringkat ini.

#### Peluang kemuka representasi

Beliau berkata, melalui peruntukan akta terbabit, kontraktor yang dinamakan dalam keputusan cadangan ini dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan oleh MyCC.

“Perusahaan ini diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan.

“Selepas itu, perusahaan yang sama juga diberi peluang untuk membentangkan representasi lisan masing-masing kepada MyCC pada tarikh yang akan ditetapkan kelak,” katanya.

Beliau berkata, MyCC hanya akan mengeluarkan keputusan akhir selepas mempertimbangkan representasi oleh perusahaan terbabit bersama bukti yang diperoleh semasa proses penyiasatan.



Mohd Hishamudin

# Tender PPJ bernilai RM45 juta disyaki ditipu

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengeluarkan keputusan cadangan terhadap tiga kontraktor yang disyaki terlibat aktiviti kartel tipu bida membabitkan enam tender kerja penyelenggaraan Perbadanan Putrajaya (PPJ) bernilai RM45 juta.

Keputusan cadangan terhadap tiga perusahaan atas pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) adalah melibatkan syarikat Abadi Malaysia Sdn. Bhd., Kota Lanskap Sdn. Bhd. dan Usia Maintenance Sdn. Bhd.

Pengerusi MyCC, Datuk Seri Mohd. Hishamudin Yusnus berkata, penyiasatan pada



**Penting untuk ditekankan bahawa keputusan cadangan yang dinamakan oleh MyCC adalah dapatan awal.”**

peringkat keputusan cadangan mendapati semua kontraktor telah melakukan aktiviti kartel tipuan bida melalui perjanjian dan amalan bersepada untuk menetapkan harga bidaan, berkongsi maklumat bidaan serta menyelaraskan penyedia-

an dan penyerahan bidaan.

Katanya, jumlah keseluruhan tender terbabit dianggarkan bernilai kira-kira RM45 juta yang melibatkan dua tender pada 2018, tiga tender pada 2019 dan satu tender pada 2021.

“Penting untuk ditekankan bahawa keputusan cadangan yang dinamakan oleh MyCC adalah dapatan awal.

“Maka tidak boleh diandakan bahawa mana-mana perusahaan yang dinyatakan di atas telah melanggar Akta 712 pada peringkat ini,” katanya dalam kenyataaan semalam.

Menurut Mohd. Hishamudin, seperti diperuntukkan dalam Akta 712, kontraktor-kontraktor yang dinamakan dalam keputusan cadangan itu

telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan MyCC.

Katanya, perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan.

“Selepas itu, perusahaan-perusahaan yang sama juga diberi peluang untuk membentangkan representasi lisan masing-masing kepada suruhanjaya pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

“MyCC hanya akan mengeluarkan keputusan akhir selepas mempertimbangkan representasi oleh perusahaan-perusahaan ini bersama bukti yang diperolehi semasa proses penyiasatan,” katanya.

**CONTRACTS WORTH RM45 MILLION**

# MyCC: 3 firms face penalties for allegedly rigging bids

**KUALA LUMPUR:** The Malaysia Competition Commission (MyCC) has issued a proposed decision against three companies over alleged bid-rigging of six tenders for contracts worth RM45 million.

MyCC chairman Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus said the proposed decision was issued under Section 4 of the Competition Act 2010.

He said the tenders were for maintenance and issued by Putrajaya Corporation, involving two from 2018, three from 2019 and one from 2021.

"The three enterprises involved are Abadi Malaysia Sdn Bhd, Kota Lanskap Sdn Bhd and Usia Maintenance Sdn Bhd.

"The investigation has provisionally found that these enterprises had performed acts of bid rigging through agreements and concerted practices by fixing their bidding prices, exchanging

bid information and coordinating the preparation and submission of their bids.

"It is important to highlight that at this stage, the proposed decision is a provisional finding and it should not be assumed that these enterprises have infringed the act," he said in a statement.

He said the three companies had been notified of the proposed decision and had 30 days to submit written representations to MyCC.

"The enterprises will also have an opportunity to present their oral representations before the commission on a date to be determined later.

"MyCC, as a quasi-judicial body, will issue its final decision only after taking into account the representations made by these enterprises together with the evidence obtained during the investigation."

HARI:

**RABU**

TARIKH:

**11/9/2024**

M/SURAT:

**10**

## Three companies face fine for bid rigging in RM45 mil PPJ tenders – MyCC

BY LUQMAN AMIN

[theedgemalaysia.com](http://theedgemalaysia.com)

KUALA LUMPUR (Sept 10): The Malaysia Competition Commission (MyCC) has issued a proposed decision against three companies for alleged bid rigging in six tenders issued by Perbadanan Putrajaya (PPJ) for maintenance works, valued at approximately RM45 million.

The tenders in question that were issued by PPJ, an agency under the Ministry of Federal Territories, include two from 2018, three from 2019, and one from 2021, MyCC said in a statement on Tuesday.

The companies involved are Abadi Malaysia Sdn Bhd, Kota Lanskap Sdn Bhd and Usia Maintenance Sdn Bhd.

“The investigation has provisionally found that these enterprises had performed acts of bid rigging through agreements and concerted practices by fixing their bidding prices, exchanging bid information and coordinating the preparation and submission of their bids,” MyCC said.

MyCC added that the proposed decision is a provisional finding, and it should not be presumed that these companies have violated Section 4 of the Competition Act 2010 (the Act).

The companies have been given 30 days to submit their written representations and will also have an opportunity to present oral submissions before the commission on a date to be determined.

As a quasi-judicial body, MyCC will issue its final decision after considering the companies’ representations and the evidence gathered during the investigation.

Just last week, MyCC uncovered seven companies involved in bid rigging tenders issued by the Ministry of Defence (Mindef) and fined them a total of RM446,092. The companies were hauled up in relation to four tenders worth a total of RM20 million that had been put out in 2017 and 2020.

The commission also said back then that it was investigating 13 bid-rigging cartels involving 561 enterprises in tenders worth RM2.37 billion and assessing complaints involving 463 enterprises in tenders worth RM9.27 billion.

## 3公司涉串標 **競爭委會發懲罰建議**

(吉隆坡10日讯)大马竞争委员会（MyCC）向涉嫌在布城机构发布的6个维修工程招标中涉及串标的3家公司，发出惩罚建议。

该会主席拿督斯里莫哈末希山慕丁发表文告指出，这三家公司通过协议和集体行为进行竞标串通，涉及固定竞标价格、共享竞标信息以及协调竞标的准备和提交。

“需要强调的是，MyCC发出的建议是根据初步调查结果。因此，现阶段不能认为上述公司违反了2010年竞争法。”

他表示，相关承包商已被告知该财物惩罚，并有机会在收到建议后的30天内向MyCC提交书面陈词。

“这些公司还有机会向竞争委员会作出口头陈词，日期将在不久后确定。”

“MyCC只有在考虑这些公司的陈词以及在调查过程中获得证据后才会发出最终决定。”

## 3承包商涉串通投標 競委會建議對付

(吉隆坡10日讯) 马来西亚竞争委员会（MyCC）建议，对3家涉嫌在布城发展机构（PPJ）的6项维修合约竞标上，进行串通投标行为的承包商采取行动。

竞争委员会主席拿督斯里莫哈末希沙慕丁发文告说，承包商Abadi大马有限公司、Kota Lanskap有限公司和Usia Maintenance有限公司，通过协议和串通方式确定投标价、交换投标信息及协调投标准备和提交过程，存在串通投标的行为，涉嫌违反2010年竞争法令第4条文。

“招标的总金额约为4500万令吉，其中包括2018年的两项招标、2019年的3项招标和2021年的1项招标。

“必须要强调的是，此阶段的决定建议仅为初步发现，并不应假定这些企业已违反法令。根据法令要求，建议中被点名的企业已被告知建议的处罚措施。”

这些企业在收到决定建议后的30天内，有机会向委员会提交书面陈述。此外，企业还有机会在稍后确定的日期向委员会提交口头陈述。

竞争委员会作为一个准司法机构，将在考虑了这些企业陈述及调查过程中获得的证据后，发布最终的决定。



■ 莫哈末希沙慕丁



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Sep	KPDN serbu kilang seri kaya guna logo halal tidak sah	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2024/09/10/kpdn-serbu-kilang-seri-kaya-guna-logo-halal-tidak-sah/">https://malaysiaga-zette.com/2024/09/10/kpdn-serbu-kilang-seri-kaya-guna-logo-halal-tidak-sah/</a>	MALAYSIA GAZETTE
11-Sep	Bid-rigging cartel: MyCC proposes fines for three contractors in maintenance tenders in preliminary findings	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/10/bid-rigging-cartel-mycc-proposes-fines-for-three-contractors-in-maintenance-tenders-in-preliminary-findings/149971">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/10/bid-rigging-cartel-mycc-proposes-fines-for-three-contractors-in-maintenance-tenders-in-preliminary-findings/149971</a>	MALAY MAIL
11-Sep	Seorang dipenjara, dua lagi didenda miliki petrol tanpa lesen	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684934/berita/semasa/seorang-dipenjara-dua-lagi-didenda-miliki-petrol-tanpa-lesen">https://www.sinarharian.com.my/article/684934/berita/semasa/seorang-dipenjara-dua-lagi-didenda-miliki-petrol-tanpa-lesen</a>	SINAR HARIAN
11-Sep	Kaya' factory raided for using uncertified halal logo in Kamunting	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/10/039kaya039-factory-raided-for-using-uncertified-halal-logo-in-kamunting">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/10/039kaya039-factory-raided-for-using-uncertified-halal-logo-in-kamunting</a>	THE STAR
11-Sep	'Kaya' factory raided for using uncertified halal logo	<a href="https://thesun.my/local-news/kaya-factory-raided-for-using-uncertified-halal-logo-FC12986003">https://thesun.my/local-news/kaya-factory-raided-for-using-uncertified-halal-logo-FC12986003</a>	THE SUN
11-Sep	MyCC cadang 3 syarikat kartel tipu bidaan RM45 juta dikenakan penalti kewangan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1296678/mycc-cadang-3-syarikat-kartel-tipu-bidaan-rm45-juta-dikenakan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1296678/mycc-cadang-3-syarikat-kartel-tipu-bidaan-rm45-juta-dikenakan</a>	BERITA HARIAN
11-Sep	Guna logo halal tanpa kebenaran, KPDN serbu kilang seri kaya	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/10/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-kpdn-serbu-kilang-seri-kaya/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/10/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-kpdn-serbu-kilang-seri-kaya/</a>	FMT

11-Sep	Tiga kontraktor disyaki tipu bida tender Perbadanan Putrajaya bernilai RM45 juta	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/tiga-kontraktor-disyaki-tipu-bida-tender-perbadanan-putrajaya-bernilai-rm45-juta/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/tiga-kontraktor-disyaki-tipu-bida-tender-perbadanan-putrajaya-bernilai-rm45-juta/</a>	UTUSAN MALAYSIA
11-Sep	Kilang seri kaya dikesan guna logo halal tidak sah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684835/edisi/perak/kilang-seri-kaya-dikesan-guna-logo-halal-tidak-sah">https://www.sinarharian.com.my/article/684835/edisi/perak/kilang-seri-kaya-dikesan-guna-logo-halal-tidak-sah</a>	SINAR HARIAN
11-Sep	Program Jualan Rahmah Madani bantu jimat perbelanjaan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684837/berita/nasional/program-jualan-rahmah-madani-bantu-jimat-perbelanjaan">https://www.sinarharian.com.my/article/684837/berita/nasional/program-jualan-rahmah-madani-bantu-jimat-perbelanjaan</a>	SINAR HARIAN
11-Sep	KPDN serbu kilang makanan disyaki guna logo halal tidak sah di Kamunting	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-kilang-makanan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-di-kamunting/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-kilang-makanan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-di-kamunting/#google_vignette</a>	BULETIN TV3
11-Sep	Kilang sekaya guna logo halal tidak sah	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/kilang-sekaya-guna-logo-halal-tidak-sah/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/kilang-sekaya-guna-logo-halal-tidak-sah/</a>	KOSMO
11-Sep	Helah jadikan bengkel kereta sebagai stor simpan petrol terbongkar	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684853/berita/semasa/helah-jadikan-bengkel-kereta-sebagai-stor-simpan-petrol-terbongkar#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/684853/berita/semasa/helah-jadikan-bengkel-kereta-sebagai-stor-simpan-petrol-terbongkar#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
11-Sep	Geng 'Kutip dan Kumpul' petrol tumpas	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132455/geng-kutip-dan-kumpul-petrol-tumpas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132455/geng-kutip-dan-kumpul-petrol-tumpas</a>	HARIAN METRO
11-Sep	KPDN serbu bengkel cat kereta kumpul minyak petrol secara haram	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-bengkel-cat-kereta-kumpul-minyak-petrol-sekara-haram/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-bengkel-cat-kereta-kumpul-minyak-petrol-sekara-haram/</a>	BULETIN TV3
11-Sep	Guna logo halal tidak sah, kilang seri kaya diserbu	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338818">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338818</a>	BERNAMA